



Mutiara buletin



September 2011

Seputih kapas, sebening embun. Di hari suci yang penuh rahmat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan Salam Aidilfitri Minal Aidil Wal Faidzin 1432H. Maaf Zahir & Batin.

Program Anak Emas PP RM100 ‘one-off’ pada Oktober 2011

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Rata-rata rakyat Pulau Pinang menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) berhubung pelaksanaan Program Anak Emas Pulau Pinang (PAEPP) iaitu sumbangan RM100 wang tunai secara ‘one-off’ kepada setiap bayi kelahiran negeri ini yang pembayarannya dijangka pada bulan depan (Oktober 2011).

Pelaksanaan program pertama di Malaysia yang bertujuan meraikan tambahan anak Pulau Pinang membuktikan bahawa Kerajaan Negeri PR adalah sebuah kerajaan berjiwa rakyat yang dengar suara rakyat, buat kerja rakyat dan berikan harapan kepada rakyat.

Bagi seorang Pembantu Am, Fitri Abdilah Abdul Razak, 26, beliau berpendapat bahawa program sebegini dapat membantu meringankan beban kewangan terutama bagi mereka yang kurang berkemampuan.

“Pelaksanaan program yang memberi penekanan terhadap keluarga yang berpendapatan isi rumahnya tidak melebihi RM4,000 sebulan adalah amat bertepatan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa kos perbelanjaan bersalin adalah amat tinggi tambahan pula, sekiranya bayi yang dilahirkan mengalami komplikasi dan membabitkan prosedur pembedahan.

“Walaupun hanya RM100, namun, ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh sesebuah



STELLA Francise Xavier

keluarga. Sebagai tambahan, ia turut menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri adalah prihatin dan berjiwa rakyat,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, bagi Pembantu Tadbir, Yusnita Yusop, 28, wang RM100 yang diberikan secara ‘one-off’ ibarat saguhati daripada Kerajaan Negeri yang prihatin akan kebajikan rakyat Pulau Pinang.

“Wang yang diberikan membolehkan ibu bapa membeli barang keperluan bayi mereka terutamanya kepada ibu-ibu baru yang lazimnya memerlukan peruntukan besar untuk membeli kelengkapan serta peralatan-peralatan bayi sulung yang baru dilahirkan,” kata Yusnita yang kini dikurniakan seorang cahaya mata kepada Buletin Mutiara (BM).

Bagi meraikan tambahan anak Pulau Pinang yang baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk

memberikan RM100 wang tunai secara ‘one-off’ kepada setiap bayi kelahiran Pulau Pinang mulai tahun ini (2011).

Pemberian wang tunai ini ekoran terdapat beberapa pihak mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan sumbangan RM100 kepada golongan yang baru



LY Thi Tam dengan anak-anaknya



PARA Penjawat Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri dari pelbagai lapisan kaum (dari kiri) Syed Fahmi Syed Hassan, Sheikh Muhammad Hazwan, Mustafazah Sidek, Sharniza Rosli, G. Premalatha, Stella Francise Xavier dan Sugiawite Othman bersama menyambut kemeriahan Hari Raya Aidilfitri. Gambar oleh Chan Lilian.

lahir selepas kejayaan pelaksanaan Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) yang turut menyumbangkan RM100 setiap tahun kepada warga emas berusia 60 tahun dan ke atas serta bayaran khairat kematian sebanyak RM1,000 ‘one-off’ kepada waris bagi pengurusan jenazah.

Bagi LY Thi Tam, 25, suri rumah, beliau menyokong penuh program PAEPP kerana program kebajikan sebegini belum pernah dibuat di mana-mana negeri di Malaysia dan Pulau Pinang bakal menjadi perintis kepada pelaksanaannya.

“Walaupun sudah agak terlewat bagi saya untuk mendapat saguhati ini, namun saya amat

berbangga menjadi warga Pulau Pinang yang kini menerajui pelbagai bidang dari segi sosial dan ekonomi,” ujar beliau yang merupakan ibu kepada anak kembar yang kini berusia dua tahun.

Penjawat Awam, Stella Francise Xavier, 35, pula menyatakan bahawa kemajuan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri sangat bagus. Pelbagai program kebajikan telah diimplementasikan untuk rakyat Pulau Pinang khasnya dan masyarakat umum amnya.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PAEPP :

- Salah seorang ibu/bapa merupakan pengundi berdaftar Pulau Pinang.
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000 sebulan.
- Bayi yang dilahirkan bermula pada 1 Januari 2011 di Pulau Pinang.

Kerajaan PR selesai masalah OC 16 tahun

BAYAN LEPAS – Masalah geran tanah dan OC yang membelenggu penduduk Kampung Perlis (Kongsi 10) di sini selama 16 tahun akhirnya hampir selesai apabila 48 daripada 84 pemohon telah berjaya menerima pemilikan tersebut atas inisiatif khas yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR).

Sebelum ini, iaitu di bawah kerajaan lama (UMNO), tiada usaha yang dibuat bagi membolehkan para penduduk memperoleh geran tanah.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Badan Bertindak Kampung Perlis, Samsudin Hussein, rumah yang diduduki kini merupakan rumah gantian setelah tapak rumah lama di hadapan Kompleks Tabung Haji diambil pemaju.

“Setelah rumah gantian siap dibina, penduduk dipaksa pindah walaupun keadaan infrastruktur rumah baru tidak memuaskan terutama pada aspek pendawaian elektrik dan bekalan air,” kata Samsudin ketika ditemui Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa JKKK Penduduk Kampung Perlis, Abu Bakar Mohamad memberitahu, ketika menduduki rumah gantian, bekalan air diperoleh dari padang golf yang terletak di belakang rumah. Dalam pada itu, tingkap-tingkap juga kerap pecah disebabkan terkena bola golf.

“Laporan polis telah dibuat namun tiada tindakan yang diambil. Mereka (pihak kerajaan lama) tidak mahu bertindak untuk membantu penduduk yang tertindas,” jelasnya.

Tambah Abu Bakar, kini, di bawah pimpinan Kerajaan Negeri PR yang dengar suara rakyat, buat kerja rakyat dan berikan harapan kepada rakyat, masalah ini telah dapat diatasi dengan inisiatif khas yang diusahakan supaya para penduduk memperoleh geran tanah yang telah diduduki 16 tahun.

“RM4,213 merupakan nilai yang perlu dibayar untuk mendapatkan geran tanah masing-masing. Namun atas keprihatinan Kerajaan Negeri PR, Timbalan Ketua Menteri I telah bersetuju memberi kelonggaran kepada para penduduk untuk membuat bayaran secara ansuran.

“Walaupun isu geran tanah dan OC telah berjaya dimiliki oleh separuh daripada penduduk, Kerajaan Negeri PR tetap terus



SAMSUDIN Hussein (kanan) dan Abu Bakar Mohamad (kiri) menunjukkan perjanjian geran oleh pemaju terdahulu.

DAHULU (Kerajaan Barisan Nasional)	KINI (Kerajaan Pakatan Rakyat)
Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam RM12.5juta	Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam Tahun 2009: RM20.50juta Tahun 2010: RM24.30juta Tahun 2011: RM33.33juta
Peruntukan Tahunan untuk SAR Tiada	Peruntukan Tahunan untuk SAR Tahun 2009: RM1.50juta Tahun 2010: RM1.75juta Tahun 2011: RM1.75juta
Peruntukan Tahunan untuk Guru KAFA Tiada	Peruntukan Tahunan untuk Guru KAFA RM100,000 setahun
Hadiyah kepada Warga Emas Tiada	Hadiyah kepada Warga Emas RM100 seorang setahun
Hadiyah kepada OKU & Ibu Tunggal Tiada	Hadiyah kepada OKU & Ibu Tunggal RM100 seorang setahun

berusaha agar baki dari pemohon memperoleh hak mereka dalam masa terdekat,” ujarnya lagi.



GEORGE TOWN – Selain memperkenal dan mengamalkan urustadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang terus mendokong prinsip pentadbiran kerajaan berjiwa rakyat, adil kepada semua kaum.

Demi rakyat – inilah yang membezakan pentadbiran Kerajaan Negeri PR yang baru berusia tiga tahun berbanding Kerajaan Negeri terdahulu yang mengutamakan krua dan suku sakat sejak lebih 50 tahun. Sebab itu, tidak menghairankan, apabila wujud kaum dan kelompok tertentu terus terpinggir.

Kenyataan Presiden KIMMA Kebangsaan, Senator Datuk Syed Ibrahim Kader dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 25 Julai 2011, yang kononnya masyarakat India Muslim Pulau Pinang terpinggir, hanyalah contoh sikap pemimpin hasil didikan UMNO Barisan Nasional. Jika benar apa yang dikatakan, maknanya beliau mengiakan apa yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim berkata, beliau melihat hakikat bahawa di bawah kerajaan PR, baik masyarakat India Muslim mahupun mana-mana kaum terus diberi perhatian tanpa diskriminasi.

“Saya ingin menasihati Syed Ibrahim, usahlah bersikap mengampu dan membodek dek terhutang budi kerana dilantik sebagai Senator. Janganlah sanggup mengadai prinsip dan maruah diri dengan cuba memporak perandakan keharmonian masyarakat India Muslim di sini.

“Hakikatnya, sejak 2008, Kerajaan Negeri memberikan perhatian dan prioriti kepada India Muslim, jauh sekali untuk meminggirkan mereka (komuniti India Muslim),” katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Abdul Malik menambah, Kerajaan Negeri sentiasa komited memberikan sokongan dan bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan, termasuk golongan India Muslim yang banyak melibatkan diri dalam badan bukan kerajaan (NGO). Malah,



KERATAN akhbar Sinar Harian 25 Julai 2011.

para pemimpin Kerajaan Negeri sentiasa turun padang bersama komuniti India Muslim dan memberikan sokongan

hatta tanah wakaf.

“Program yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri, iaitu “Penang World



PARA Penjawat Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada berbilang kaum bersama-sama meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana yang muhibah.

Kerajaan Negeri sokong cadangan penutupan berfasa lokasi riadah Empangan Mengkuang

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri akan bersama dan menyokong cadangan penduduk sekitar yang mencadangkan bahawa kerja-kerja pembesaran Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam perlu dijalankan secara berperingkat bagi membolehkan mereka meneruskan aktiviti riadah yang telah menjadi rutin kehidupan sehari-hari sejak 26 tahun lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri setuju dengan pandangan para penduduk untuk mengekalkan Empangan Mengkuang sebagai tapak riadah walaupun kerja-kerja pembinaan dijalankan.

“Sebagaimana maklum, projek pembesaran empangan bernilai RM1.2 bilion itu adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Justeru, Kerajaan Negeri tiada kuasa untuk campur tangan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menutup

lokasi riadah tersebut secara berperingkat.

“Lanjutnya itu, Kerajaan Negeri telah meminta Perbadanan Bekalan Air (PBA) untuk menyediakan surat kepada Kerajaan Persekutuan berhubung perkara terbabit dan ia terpulang kepada mereka (Kerajaan Persekutuan) sama ada untuk setuju ataupun tidak,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut Guan Eng, terdapat tuduhan liar yang menyatakan bahawa perkara ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Sebagaimana maklum, projek tersebut adalah di bawah Kerajaan Persekutuan dan mereka (Kerajaan Persekutuan) ada kuasa untuk melantik kontraktor tanpa tender terbuka.

“Mereka pura-pura tidak tahu. Tindakan menyalahkan Kerajaan Negeri adalah satu tindakan yang tidak bermoral, tidak patut dan tidak beretika. Kita tidak minat si luncau dan labunya, yang penting adalah kita (Kerajaan Negeri) akan

bersama dan sokong cadangan dikemukakan penduduk sekitar,” jelas beliau.

Sementara itu, Pengurus Besar PBA, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, perkara tersebut akan dibincangkan di dalam mesyuarat membabitkan pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kontraktor dilantik oleh Kerajaan Persekutuan dari China dan beberapa pihak dari Kerajaan Negeri pada esok (29 Julai 2011) di sini.

“Projek tersebut adalah bagi meninggikan benteng empangan sedia ada sebanyak 11 meter dan pada masa sama membina sebuah empangan baru di sebelah sebelum mencantumkan kedua-duanya,” ujar beliau sambil menjelaskan bahawa lokasi riadah adalah terletak di tengah-tengah lokasi projek berkenaan.

Jaseni memberitahu, projek yang bakal disiapkan dalam tempoh lima tahun itu boleh menampung keperluan air penduduk Pulau Pinang sehingga tahun 2020.

Kerajaan Negeri PR bela semua kaum – tidak pinggirkan India Muslim

kepada mereka.

“Selaku Exco Kerajaan Negeri, saya kerap bertemu dan berbincang baik secara rasmi, mahupun tidak rasmi dengan masyarakat India Muslim. Berbincang dalam pelbagai perkara, baik yang besar mahupun kecil, berkaitan isu agama, masjid dan surau

Heritage Celebration” hanyalah sebahagian bukti usaha Kerajaan Negeri melibatkan masyarakat India Muslim secara langsung dalam memacu kejayaan negeri ini. Masyarakat India Muslim turut menerima manfaat daripada program ini, dan hakikat ini tidak boleh dinafikan oleh Presiden KIMMA,” tegas beliau.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah aktivis agama masyarakat India Muslim, Datuk Thasleem Mohamed Ibrahim, aktivis masyarakat India Muslim, Shahul Hamed, Persatuan Muslim Tanjung, Nasir Mohidin dan para pengusaha Nasi Kandar Pulau Pinang.

Bonus Raya juga kepada guru KAFA

GEORGE TOWN – Bonus Hari Raya Aidilfitri sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM600 diberikan kepada semua penjawat awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang manakala guru KAFA menerima RM300 setiap seorang.

Pemberian tersebut adalah tambahan sebanyak RM100 kepada penjawat awam sebagaimana yang diumumkan Kerajaan Persekutuan sebelum ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian bonus tersebut adalah sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan anggota perkhidmatan awam, penyelia dan guru KAFA di pentadbiran Kerajaan Negeri.

“Yang paling penting, pemberian bonus ini juga dapat membantu pegawai perkhidmatan awam dan juga guru KAFA khususnya dalam membuat persediaan untuk sambutan Hari Raya ekoran pembayarannya adalah pada 19 Ogos 2011,” katanya pada sidang akhbar di Komtar baru-baru ini.

SEBERANG JAYA – Berkonsep motivasi serta memantapkan pengurusan dan pentadbiran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Kursus Kepimpinan JKKK diadakan bagi memupuk nilai kepimpinan dalam kalangan pengerusi JKKK terutama ke arah menggembungkan sumber sebagai mata dan telinga Kerajaan Negeri (KN).

Objektif program adalah bagi membangkitkan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang JKKK, membentuk disiplin dan hemah diri dalam kalangan masyarakat, berpengetahuan dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi dan juga memberi pendedahan mengenai selok belok komunikasi massa.

Kursus yang bertema ‘Perkasakan Akar Umbi’ ini diadakan di Bayview Beach Resort dan Hotel Pearl View masing-masing dihadiri oleh 130 dan 170 peserta yang merupakan Pengerasi, Setiausaha atau wakil setiap JKKK

TIMBALAN Pengerasi Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Datuk Mohd. Salleh Man (kiri sekali) menunjukkan bakat memanah sempena penganjuran Karnival Harmoni Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.

DUN Penaga juara tarik tali Karnival Harmoni

KEPALA BATAS – Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga muncul sebagai juara Pertandingan Tarik Tali yang diadakan bersempena dengan penganjuran Karnival Harmoni Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) anjuran Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri baru-baru ini.

Pasukan yang dianggotai oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Guar Kepah tersebut berjaya memenangi hadiah wang tunai RM400 berserta pingat.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Lazimnya, penganjuran yang bertujuan merapatkan barisan kepimpinan Kerajaan



Negeri dengan rakyat telah berlangsung sepanjang bulan Julai 2011 di setiap daerah di negeri ini.

Selain sukan rakyat, acara lain yang diadakan adalah sukanaka kanak-kanak dan pertandingan mewarna. Turut diadakan adalah kempen derma darah dan juga pameran korporat membabitkan agensi-agensi kerajaan, perbadanan Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Secara keseluruhannya, penganjuran Karnival Harmoni Peringkat Daerah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang julung kali diadakan ini bukan hanya memberi peluang kepada rakyat bermesra dengan pemimpin negeri, malah, pada masa sama, ia turut memanfaatkan penduduk setempat yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkhidmatan-perkhidmatan ditawarkan oleh organisasi-organisasi tertentu di sini.

PEGAWAI Penyelaras DUN Teluk Bahang, Mohamed Shawal Ahmed (berdiri) memerhatikan para peserta mewarna menyiapkan lukisan masing-masing.



Kursus Kepimpinan JKKK memperkasakan akar umbi

di seluruh Pulau Pinang.

Pelbagai aktiviti dijalankan bagi menghangatkan suasana seperti motivasi pembentukan pimpinan diri, penerangan atau taklimat lengkap pengurusan JKKK dan bengkel penyediaan kertas kerja program.

Antara yang hadir bagi memberikan taklimat adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Pengarah Pilihanraya PKR Pusat, Yusof Ismail, Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Haji Anuar Hashim dan Pegawai Penyelaras KADUN Teluk Bahang selaku penyelaras program, Mohamad Shawal Ahmed.



SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Kursus Kepimpinan JKKK anjuran Kerajaan Negeri.

Tanah lapang sebagai anak angkat projek CSR

LIM Guan Eng menaiki jentolak sebagai simbolik Majlis Pecah Tanah Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, baru-baru ini.



BUTTERWORTH – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini giat melaksanakan projek CSR (Corporate Social Responsibility) iaitu projek pengindahan bandar di daerah Seberang Perai. Inisiatif ini ekoran masih terdapat banyak kawasan lapang yang belum dibangunkan di kawasan Seberang Perai.

Kerajaan Negeri (KN) dan MPSP mengalu-alukan mana-mana agensi yang berminat menjadikan kawasan-kawasan tanah lapang sebagai anak angkat kepada projek CSR. Setakat ini, pihak MPSP telah mengenalpasti 25 lokasi strategik yang boleh diambil oleh individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk projek CSR landskap.

“Di Seberang Perai, masih terdapat banyak kawasan lapang. Justeru, kita bukan sahaja perlu ada tanaman pokok, malah pokok atau pokok bunga perlu disusun secara teratur dan diadakan landskap yang menarik seperti mercu tanda, kolam air dengan pancutan air serta ikan peliharaan sebagai hiasan. Pengindahan taman tidak harus terhad kepada kawasan dalam pagar tetapi

kawasan di pinggir jalan juga harus ditanam dengan pokok dan dihias dengan baik dan menarik demi menjadikan Seberang Perai bersih, hijau dan indah permai,” kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan baru-baru ini.

Menurut beliau, program pada hari tersebut juga merupakan salah satu daripada projek CSR landskap. Ke-lulusan cadangan mewujudkan satu Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan di Jalan Permatang Pauh telah dipersetujui melalui Majlis Mesyuarat KN pada bulan Mac yang lalu.

Kos yang dianggarkan berjumlah RM607,000.00 akan ditanggung oleh pihak MMC-GAMUDA dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang bertanggungjawab mengaturkan penajaan tersebut.

Menurut Ketua Menteri lagi, usaha penambahan taman atau ruang hijau dapat membantu hasrat KN dalam menjadikan Pulau Pinang negeri hijau pertama di Malaysia.

RM700,000 atasi masalah banjir kilat

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukkan kira-kira RM700,000 bagi pelaksanaan projek-projek jangka masa pendek dan jangka masa sederhana untuk mengatasi masalah banjir kilat di pusat bandar George Town dalam tempoh sembilan bulan sehingga Mac 2012.

Projek jangka pendek yang dijangka menelan belanja sebanyak RM36,000 membabitkan pembinaan semula parit bawah tanah di Lebuh Campbell, Lebuh Cintra, Lebuh Chulia, Jalan Pintal Tali, Lebuh Kimberley, Lorong Pitt, Jalan Kedah dan Jalan Transfer dijangka siap pada September 2011.

Manakala projek jangka masa sederhana bertujuan meningkatkan tahap kecekapan sistem saliran untuk tempat-



tempat yang mengalami masalah banjir seperti mengalihkan sebahagian air permukaan jalan dari parit tepi adalah membabitkan Jalan Pintal Tali ke parit di Lebuh Carnavon melalui Lebuh Kimberley; Jalan Kuala Kangsar ke Jalan Dr. Lim Chwee Leong dan dari Jalan Lim Eow Thoon ke kolam takungan kering untuk mengatasi masalah banjir di Taman Trafik akan bermula

pada bulan September 2010 dan dijangka siap pada Mac 2012.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, pihak majlis memandang serius maklum balas awam berhubung kejadian banjir kilat di pusat bandar George Town dan adalah menjadi keperluan kepada pihak terbabit untuk mencari jalan penyelesaian pada kadar segera.

PARA Pekerja Am MPPP membersihkan saluran longkang bagi mengelakkan kejadian banjir kilat di pusat bandar George Town di sini.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) meninjau saluran air dalam longkang di persimpangan Lebih Cintra dan Lebuh Kimberley.

“Pelan dan peruntukan terdahulu yang dilaksanakan 15 tahun lalu telah selesai dan berjaya, namun, kita perlu membuat susulan lanjut dari semasa ke semasa ekoran pertambahan jumlah sampah-sarap, gris dan minyak yang terperangkap di dalam longkang-longkang,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, pihak majlis akan melipat-gandakan tindakan penguatkuasaan terhadap para peniaga yang bertindak menuangkan sup

serta sisa-sisa masakan ke dalam longkang sehingga menyebabkan gris dan minyak makanan terperangkap.

“Cabarannya kita adalah untuk mengubah sikap orang ramai terhadap kebersihan. Walaupun, program Penang Besih dan Hijau giat dijalankan, namun, setiap hari, pihak majlis masih perlu memungut sampah-sarap dari Prangin Canal yang dapat dimuatkan di dalam dua buah lori besar.

“Justeru, saya berharap semua pihak terlibat dalam usaha ini,” seru beliau.

11,596 unit rumah kos rendah & sederhana rendah dilulus sejak 2008



GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri berjiwa rakyat di bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah meluluskan pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 11,596 unit yang sekaligus menyangkal dakwaan yang mengatakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak membina rumah mampu milik kepada rakyatnya.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan 11,596 unit rumah mampu milik yang sekaligus menyangkal kenyataan yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak membina rumah mampu milik kepada rakyatnya. Ini adalah di antara kos rendah (RM 42,000) dan kos sederhana rendah (RM 72,500) yang diluluskan.

Di bawah Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri, projek perumahan Kos Rendah dan Sederhana

Rendah seperti berikut yang dibangunkan adalah seperti berikut:

	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Jumlah
Kerajaan	1194	2227	3421
Swasta	2612	5563	8175
Jumlah	3806	7790	11596

Pecahan mengikut daerah bagi projek Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	Jumlah
Kos Rendah	686	–	–	304	–	990
Kos Sederhana Rendah	1522	–	–	–	–	1522
Jumlah	2208	–	–	304	–	2512



Pecahan mengikut daerah bagi projek Agensi Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	Jumlah
Kos Rendah	485	320	885	551	371	2612
Kos Sederhana Rendah	1556	3597	34	91	285	5563
Jumlah	2041	3917	919	642	656	8175

Pecahan mengikut daerah bagi projek swasta adalah seperti berikut :

	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	Jumlah
Kos Rendah	485	320	885	551	371	2612
Kos Sederhana Rendah	1556	3597	34	91	285	5563
Jumlah	2041	3917	919	642	656	8175

Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk membangunkan semula beberapa projek perumahan yang akan melibatkan sebanyak lebih kurang 992 buah rumah kos rendah dan 192 buah rumah kos sederhana rendah.

KEADAAN rumah kos rendah di Taman Sungai Duri Permai dan Taman Sungai Duri Indah, Jawi, Seberang Perai Selatan.

GEORGE TOWN – Ia sememangnya petanda baik bagi Pulau Pinang apabila peruncit multinasional terkemuka terus-menerus mengembangkan operasi di Malaysia. Perkembangan ini juga jelas menunjukkan bahawa landskap yang beroperasi di negeri ini memberi kelebihan kepada prospek dan syarikat serta mengekalkan pertumbuhan secara positif.

Pembukaan pasaraya besar Tesco Malaysia Sdn. Bhd. kali ini merupakan gedung kelima di Pulau Pinang, di mana empat yang lain bertempat di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Sungai Dua dan Jelutong, menjadikan Tesco Seri Tanjung Pinang yang ke-41 di Malaysia.

“Tesco telah melabur kira-kira RM21 juta bagi mengurangkan harga lebih daripada 500 jenis barang di semua gedung di Malaysia melalui Program Pemotongan Harga (Price Cut Programme). Isyarat ini sememangnya tepat pada masanya memandangkan harga yang melambung tinggi dan iklim ekonomi yang mencabar,” kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika memberi ucapan di Majlis Pembukaan Tesco Tanjung Pinang, baru-baru ini.

Tambahnya lagi, kira-kira 60% barang Tesco adalah barang buatan Malaysia. Oleh itu, kejayaan Tesco ini juga mencerminkan kejayaan pengeluar-pengeluar tempatan dan perusahaan bersaiz kecil dan sederhana di Malaysia.

Untuk makluman, kesemua gedung Tesco di Pulau Pinang mengambil pekerja di

Pelaburan Tesco jana peluang pekerjaan di PP

kalangan penduduk tempatan. Difahamkan, pembukaan pasaraya besar yang baru di Tanjung Pinang ini juga akan menggaji kira-kira seramai 300 pekerja. Bermula daripada pekerja am sehingga kakitangan peringkat pengurusan, mereka akan menjadi sebahagian daripada 2,000 pekerja di seluruh Pulau Pinang.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kami berjanji akan melakukan sedaya mungkin untuk memastikan ahli-ahli komuniti perniagaan kami menikmati operasi yang efisien bagi mencapai kejayaan dalam jangka masa panjang dan mampan,” ujar beliau lagi.

Tesco Seri Tanjung Pinang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato’ Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Abbas dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tesco, Tjeerd Jegen, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir, Ahli- ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan beberapa tetamu kehormat.



KETUA MENTERI tertarik melihat ikan segar bersaiz besar yang terdapat di Tesco Seri Tanjung Pinang bersempena majlis pelancarannya baru-baru ini.

ACARA TAHUNAN... Penganjuran Karnival Pengguna 2011 yang telah berlangsung pada 29 Julai 2011 hingga 31 Julai 2011 di perkarangan luar Tesco Tanjung Pinang telah berjaya menghimpunkan seramai 32 usahawan tempatan untuk memperkenalkan produk keluaran masing-masing.

Turut terlibat dalam menjayakan karnival yang dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim adalah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kumpulan Pemantau Pengguna.



ABDUL Malik Abul Kassim (kanan sekali) bergambar kenangan bersama usahawan-usahawan dari Usahawan Mahasiswa Pulau Pinang bersempena majlis pelancarannya baru- baru ini.

Pelaburan Polydamic menyokong inisiatif Negeri Hijau PP

BUKIT MINYAK – Perkembangan pelaburan di Pulau Pinang diperhebatkan lagi dengan pembukaan sebuah kilang baru yang merupakan pembekal perkhidmatan teknologi alam sekitar dan pengilang produk bagi mengurangkan pencemaran di sini baru-baru ini.

Polydamic Sdn. Bhd. telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil disaksikan Pengarah Urusannya, Jacky Tan dan beberapa tetamu kehormat yang lain. Di samping itu, majlis pada hari tersebut juga turut meraikan ulangtahun penubuhan Polydamic Holdings Sdn. Bhd. yang ke-15 pada tahun ini.

Umumnya, setiap produk yang dihasilkan akan dieksport ke negara luar seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura, Amerika Syarikat, Vietnam, Sri Lanka dan Timur Tengah serta sedang menjengah pasaran di China.

Dalam ucapan Ketua Menteri, beliau yakin bahawa dengan pelaburan baru Polydamic, ia akan dapat menyokong perkembangan industri



BANGUNAN Polydamic Sdn. Bhd. yang terletak di Bukit Minyak.

dengan memastikan udara bersih di tempat kerja dan lepasan udara bersih ke atmosfera. Udara yang bersih di tempat kerja dapat mengurangkan penyakit yang berkaitan dengan kesihatan sekaligus dapat meningkatkan produktiviti.

“Sempena perasmian Polydamic Sdn. Bhd. ini, saya berharap Pulau Pinang dapat menjadi lebih hijau dan bersih dalam menjadikan negeri ini sebagai pilihan pelaburan antarabangsa, destinasi pelancongan pilihan dan tempat tinggal pilihan bagi mereka yang menginginkan kehidupan yang mampan,” ujar Ketua Menteri.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Tuan Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 537 8476 (F) 04 - 537 8476
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzeztzin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 (F) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_ok@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapee adun.dungbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik nweiaik@penang.gov.my nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAR YB Tuan Raveentharan a/l Subramaniam raveenkeadilan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 (F) 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Samisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rshrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 227 1397 (F) 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain gibertami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 (F) 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Adnan Bin Abdul Rahman adnankulim@gmail.com	(T) 019 - 421 5952
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krisoff.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@gmail.com	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abfeguh@gmail.com	(T) 04 - 538 1460 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar bjwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnab_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuhismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Mohamad Shawal Ahmed shawal_rnz@yahoo.com	(T) 04 - 644 7004 (F) 012 - 424 9004

Kalendar Kursus Pertanian 2011

TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
Hasilan Soya dan Cincau	07/9/2011 - 08/9/2011	PLP Cherok Tok Kun
Natural Farming / BIM	14/9/2011 - 15/9/2011	Pusat Pertanian Sg. Aceh

BAGAIMANA CARA MEMOHON?

Tuan/Puan perlu mengisi borang permohonan yang dilampirkan di mana-mana Pejabat Pertanian Daerah / Kawasan yang berdekatan. Tuan / Puan boleh menghubungi cara bersurat, faks atau telefon melalui pegawai-pegawai berkenaan di pejabat-pejabat yang disenaraikan seperti berikut :

1. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun,
14000 Bukit Mertajam.
No. Telefon : 04-5372144, 04-5372145
No. Faks : 04-5372150
2. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara,
Bumbung Lima,
13200 Kepala Batas.
No. Telefon : 04-5753487
3. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Selatan
Bangunan Pejabat kerajaan,
14200 Jawi, Seberang Perai Selatan,
No. Telefon : 04-5826824
4. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah
Pusat Pertanian Cherok Tok Kun,
14000 Bukit Mertajam.
No. Telefon : 04-5302493
5. Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya
Jalan Sungai Nipah, Genting,
11020 Balik Pulau, Pulau Pinang.
No. Telefon : 04-8668429
6. Pejabat Pertanian Kawasan Sungai Aceh
14310 Nibong Tebal, Seberang Perai selatan.
No. Telefon : 04-5982866
7. Pejabat Pertanian Daerah Timur Laut
Pusat Pertanian Relau,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
No. Telefon : 04-6433364

SYARAT-SYARAT

- Tarikh Tutup permohonan 2 minggu sebelum tarikh kursus.
- Keutamaan peserta terdiri dari petani yang telah memulakan projek pertanian.
- Peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon.
- Kursus terhad kepada 30 orang peserta sahaja.
- Peserta dikehendaki menghadirkan diri sepanjang tempoh kursus.
- Setiap peserta kursus dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM 15.00 kecuali peserta kursus petani pelapis.

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS

DAFTARLAH SEKARANG DENGAN PEJABAT ADUN PR

N1 Penaga	: 019 - 470 4800 - Rosidi Hussain
N2 Bertam	: 013 - 580 6981 - Asrol Sani
N3 Pinang Tunggal	: 019 - 421 5952 - Adnan
N4 Permatang Berangan:	: 019 - 510 2633 - Arsyad Md. Salleh
N5 Sungai Dua	: 019 - 477 6740 - Md. Fahmi Abd. Wahab
N6 Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581 - Salehin Mohamed
N7 Sungai Puyu	: 012 - 528 8411 - Ng Ya Ling
N8 Bagan Jermal	: 013 - 449 0366 - Yeap Choon Keong
N9 Bagan Dalam	: 016 - 473 1963 - Gesan
N10 Seberang Jaya	: 013 - 489 3227 - Abdul Jalil Che Ros
N11 Permatang Pasir	: 019 - 412 8442 - Kamal
N12 Penanti	: 04 - 522 1463 - Suhaimi Bin Mansor
N13 Berapit	: 019 - 481 7823 - Ong Kee Seong
N14 Machang Bubuk:	: 019 - 546 3257 - Rynu
N15 Padang Lalang	: 04 - 502 5071 - Ooi Zhen Chee
N16 Perai	: 012 - 412 8451 - Mohd. Yusof
N17 Bukit Tengah	: 016 - 469 5343 - Sahabudin
N18 Bukit Tambun	: 016 - 442 0820 - Ong Eu Leong
N19 Jawi	: 017 - 408 4784 - Abdul Halim Yunus
N20 Sungai Bakap	: 012 - 415 2905 - Munir Bin Makhtar

PERMANDANGAN
matahari terbenam di
Masjid Sungai Burung,
Balik Pulau.



SEORANG bayi mengusik mesra penduduk sementara menunggu ketibaan Ketua Menteri di Majlis Berbuka Puasa Masjid Sungai Burung, Balik Pulau.



KONSUL-Jeneral Indonesia, Bapa Chilman Arisman bersalaman dengan Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain.



MAJLIS sumbangan Kerajaan PR kepada sekolah-sekolah agama rakyat seba-

PERBARISAN sempena sambutan Hari ASEAN ke-44 di Konsulat-Jeneral Indonesia, Pulau Pinang.



SEORANG warga emas yang meghayati ucapan ketua Menteri ketika di Majlis buka puasa di Pulau Pinang.



SEORANG guru Sekolah Tamil Azad ceria selepas pihak sekolah terbabit memperoleh bangunan baru yang dibina di sebidang tanah bernilai RM13 juta hasil sumbangan Kerajaan PR Pulau Pinang.

PEKERJA-pekerja 3D MPPP berdoa sebelum bermulanya Majlis Penyampaian Elaun Khas RM150 sebulan oleh Kerajaan Negeri.



**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my	016-46 57 498
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewo@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandaran@mpsp.gov.my	012-412 84 51
Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my	012-48 68 092
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) (Perlantikan Baru) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) (Perlantikan Baru) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) (Perlantikan Baru) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04-5211987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) (Perlantikan Baru) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019-40 84 899
En. Lim Tau Hoong (NGO) (Perlantikan Baru) tlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) (Perlantikan Baru) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my	013-43 62 848 04-538 6848 (Fax)
En. Loh Joo Huat (DAP) (Perlantikan Baru) jbloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) (Perlantikan Baru) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) (Perlantikan Baru) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman (PAS) (Perlantikan Baru) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
Zulkifi bin Mohd. Noor (DAP)	012-48 30 878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012-428 22 50
Tay Leong Seng (DAP)	019-321 93 92
Lim Siew Khim (DAP)	016-531 60 26
Lim Cheng Hoe (DAP)	016-43 84 809
Tan Hun Wooi (DAP)	012-488 04 09
En. Ong Ah Teong (DAP)	012-4106566
Ooi Keat Hin (PKR)	016-41 71 331
Francis a/l Joseph (PKR)	012-47433 21
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016-4222142
En. Lim Boo Chang (PKR)	04-2291579 (Tel) 04-2291578 (Fax)
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04-6577464 (Tel) 012-4728114
Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS)	016-4433205 019-4507890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012-4726725
Encik Teh Lai Heng (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4459808
Encik Gooi Seong Kin (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4571271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) (Perlantikan Baru)	012-4122558
Encik Tan Seng Keat (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4386191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) (Perlantikan Baru)	019-4560077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) (Perlantikan Baru)	013-4320207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4380873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4635959
Dr. Lim Mah Hui (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4221880
Encik Sin Kok Siang (NGO) (Perlantikan Baru)	016-4222255

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

YAP LEE YING ZULIANA AZIZ AINUL WARDAH

Jurugambar:
CHAN LILIAN AHMAD FARHAN LAW SUUN TING

sertai kami melalui "**sms blast**", taip "**ADD ME**"

019 357 9726,
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375
sertai kami melalui "**emel blast**"
unitkomunikasi@pejabatkm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang



Logos Hope • Penang • 30 Ogos - 27 Sept 2011
Logos Hope is the world's largest floating book fair, offering over 5,000 books at affordable prices.



All Star National Chingay Competition • Penang • 4 September 2011 • City hall, Esplanade • 8pm



Colours Of Malaysia
Lantern Bicycle Night Ride and Lantern Bicycle Decoration Competition • 10 September 2011 • Penang New World Park



SCI MPPP Malaysia Peace Run • 11 September 2011 • Youth Park



Pesta Tanglung • 12 September 2011



Kwong Wah Yit Poh Family Funride 2011 • 25 September 2011 • Straits Quay

AKH ke arah Pulau Pinang hijau



CEMERLANG... WARTAWAN Sinar Harian, Mohd. Iskandar Othman (dua dari kanan), M. Gokina (dua dari kiri) dan Syajaratulhuda Rosli (tengah) menunjukkan replika cek serta sijil penghargaan yang diterima selepas memenangi hadiah utama bernilai RM3,000 Pertandingan Anugerah Kejurnalistikan Hijau (AKH) anjuran Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Dalam pada itu, wartawan The Star, Christina Chin memenangi hadiah yang

sama bagi kategori Bahasa Inggeris.

Bagi Mohd. Iskandar, beliau bersama pasukannya mengambil masa selama dua hari bagi menyelami masalah pencemaran sampah di sekitar George Town dan Persiaran Gurney.

“Bagi menghargai alam sekitar, saya secara peribadi menyokong Kempen Hari Tanpa Beg Plastik sejak dianjurkan bermula awal tahun lagi dan setiap kali saya berkunjung ke pasaraya saya pasti akan membawa beg kertas,” ujarnya.

WARTAWAN-wartawan Sinar Harian bergambar kenang-kenangan bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Zaini Hussain (kiri sekali) dan ADUN Komtar, Ng Wei Aik (kanan sekali).

BUKIT MINYAK – Aspek kebersihan sentiasa mendapat perhatian serius daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku pihak berkuasa tempatan yang komited dalam melaksanakan tugas. Selain dari kawasan perumahan dan tempat-tempat awam, kawasan perindustrian juga tidak terlepas dari perhatian MPSP bukan sahaja dari segi kebersihan, malah aspek kehijauan juga turut dititikberatkan.

Pelancaran Kawasan perindustrian yang terdapat di Seberang Perai seperti Kawasan Perindustrian Perai, Bukit Minyak, Nagasari dan Mak Mandin merupakan antara kawasan utama yang menjadi tumpuan MPSP bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Menurut jurucakap MPSP, kawasan perindustrian harus diberi lebih tumpuan ekoran Pulau Pinang kini menerajui kedudukan dari segi pelaburan. Jika setiap kawasan perindustrian menitikberatkan aspek kebersihan dan kehijauan, maka, makin ramailah pelabur-pelabur asing yang bersedia melabur di negeri ini tanpa rasa was-was.

‘CLEANER GREENER BUKIT MINYAK’ – Tumpuan khusus kawasan perindustrian

Kebanyakan kilang telah mengamalkan program kitar semula dan menanam pokok bagi menjayakan ‘Cleaner Greener Bukit Minyak’ (Bukit Minyak bersih dan hijau) yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri (KN) bagi menjadikan sebuah bandar yang bersih dan hijau di samping meningkatkan kualiti hidup.

“Penghijauan melalui inisiatif ‘Cleaner Greener Bukit Minyak’ adalah termasuk menghijaukan dan mewujudkan taman ruang poket hijau, taman dan kebun. Program ini harus dijalankan berterusan bersama-sama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan CBOs, dan melalui kita boleh mempercepatkan dalam menjadikan Pulau Pinang Bersih dan Hijau, terutama dari segi landskap, pokok tanaman, penanaman bakau dan sebagainya,” kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap

di Majlis Penutup ‘Cleaner Greener Bukit Minyak’, baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, Pulau Pinang sekali lagi memimpin apabila negeri ini dan MPSP masing-masing telah berjaya mencatat pencapaian paling tinggi dalam mengitar semula bahan buangan iaitu sebanyak 23%.

Sebanyak 500 pokok juga telah disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan untuk ditanam di sekitar bahu jalan pada program ini. Pengajur bersama, Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) turut menghantar pelajar-pelajar untuk menyertai program ‘Cleaner Greener’ ini. Inisiatif tersebut merupakan kerjasama rakyat bagi membersihkan kawasan perindustrian di Seberang Perai.



AHLI Majlis MPSP, Soon Lip Chee (kanan sekali) dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (dua dari kiri) bersama para peserta Program ‘Cleaner Greener Bukit Minyak’ menanam pokok sebagai sebahagian daripada intipati program baru-baru ini.

Sungai Pinang diberi penarafan empat bintang

GEORGE TOWN – Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam menjadikan Pulau Pinang negeri hijau pertama di Malaysia, satu program berkaitan kesedaran alam sekitar dan pengurusan sungai telah dianjurkan pada bulan Julai, baru-baru ini.

Pelancaran Majlis Pelancaran Sungai Pinang River Care Programme dianjurkan dengan kerjasama dan sokongan HSBC Bank Malaysia Berhad dan Global Environment Centre (GEC) dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) serta lain-lain agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Pulau Pinang, CENCED dan Water Watch Penang.

Program yang bertujuan mewujud dan mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menguruskan sumber-sumber agensi berkaitan telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

“Umumnya kita tahu Sungai Pinang pernah dikategorikan sebagai salah satu sungai yang paling tercemar di Malaysia. Sungai dengan panjang 3.1 km ini mempunyai enam cabang sungai utama yang mengalir masuk ke Sungai Pinang iaitu Sungai Dondang, Sungai Air Itam, Sungai Air Putih, Sungai Air Terjun, Sungai Jelutong dan Sungai Kecil yang secara tidak langsung menyebabkan pencemaran kepada Sungai Pinang.

“Namun melalui hasil kerja keras

dari semua pihak bagi memastikan tahap kebersihan sungai itu, Sungai Pinang telah berjaya terkeluar daripada 10 sungai yang paling kotor dan tercemar di Malaysia yang diletak di bawah kelas V. Ini adalah berdasarkan kepada Laporan Tahunan Alam Sekitar tahun 2009 oleh JPS Malaysia.

Sungai Pinang telah diberi penarafan empat bintang menerusi Program 1 Negeri 1 Sungai (1N1S) walaupun Indeks Kualiti Air (WQI) berada di tahap sederhana iaitu Kelas III,” ujar beliau.

Beliau juga berharap agar orang ramai memberikan kerjasama penuh agar segala usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri PR dapat terus bertahan dan



KETUA MENTERI menanam pokok sebagai simbolik dalam menjadikan Pulau Pinang negeri hijau pertama di Malaysia.

bertambah baik. Kerajaan Negeri PR juga berharap agar program ‘river care’ sebegini dapat diteruskan untuk sungai-sungai lain di Pulau Pinang.

Sungaiku Hidupku, Bersama Kita Peliha.



KONTINJEN Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan selepas Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Dwi Tahunan Pejabat-pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Se-Malaysia Kali XI Tahun 2011, baru-baru ini.

TINTA PENGARANG

Merdeka & Raya

PERTAMA sekali Putera Pulau ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat beragama Islam khususnya pembaca Buletin Mutiara.

Terima kasih diatas sokongan padu anda semua kepada terbitan bulanan ini kerana siapalah kami tanpa anda. Pelbagai ranjau yang diharungi demi menerbitkan secebis warkah yang cuba memaparkan kebenaran hari-hari yang dilalui oleh rakyat Pulau Pinang bersama pimpinan kerajaan Pakatan Rakyat.

Terbitan Unit Penerangan Kerajaan Negeri ini turut menerima pujian dari pembacanya saban hari namun tidak kurang juga yang mencerca. Walau bagaimanapun, pujian bukanlah milik kami tapi ianya adalah milik anda yang masih setia menghadam kebenaran sebenar yang disajikan.

Terima kasih juga bagi yang mencerca, kerana mungkin ada lagi yang perlu diperbaiki ataupun terlepas pandang pada usia mentah penerbitan 2 tahun. Namun, ini semua mematangkan kami dalam memastikan setiap berita benar itu sampai ke tangan rakyat.

Tahun 2011 merupakan tahun yang penuh dengan babak dan aksi drama yang melanda negara kita namun apa pun berlaku hari esok tetap tiba. Sebagai anak Malaysia tidak kira apa bangsa dan darjah, kita sememangnya layak menerima ucapan tahniah kerana masih mengekalkan nilai-nilai muhibbah sesama bangsa walaupun pelbagai duri dendam cuba disemai oleh sesetengah pihak. Sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini merupakan sambutan berganda di mana kita bakal meraikannya bersama Hari Raya pada akhir bulan Ogos. Sedar tak sedar sudah 54 tahun kita merdeka, walaupun nilai harga kemerdekaan ini sering diperdagangkan oleh sesetengah pihak.

Rakyat Pulau Pinang sememangnya menghadapi revolusi tumpuk pimpinan dari sebuah kerajaan lama kepada sebuah kerajaan baru. Kerajaan baru yang memastikan hari ini lebih baik dari semalam, tidak pernah berhenti memikirkan apa sahaja tindakan demi mengutamakan kesejahteraan rakyat. Berkonseptan kerajaan berjiwa rakyat, Pakatan Rakyat akan terus memastikan Pulau Mutiara ini terus bersinar.

Kejiran juga sentiasa mengotori niat suci kerajaan di bawah pimpinan Lim Guan Eng walaupun sebenarnya ia menguntungkan rakyat marhaen. Berani kerana benar, inilah yang menjadi pegangan barisan pemimpin Pakatan Rakyat Pulau Pinang selama memimpin negeri bertuah ini.

Terkini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang menimbang memberikan RM 100 wang tunai "one-off" kepada setiap bayi kelahiran Pulau Pinang mulai tahun ini, di mana salah seorang ibu bapa merupakan pengundi Pulau Pinang. Program "Anak Emas Pulau Pinang" akan mensyaratkan pengesahan bahawa pendapatan isi rumah keluarga tidak boleh melebihi RM4,000 sebulan.

Sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan 11,596 unit rumah mampu milik yang sekaligus menyangkal kenyataan yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak membina rumah mampu milik kepada rakyatnya. Ini adalah di antara kos rendah (RM42,000) dan kos sederhana rendah (RM72,500) yang diluluskan.

Jasa demi jasa ditabur kepada rakyat tapi masih ada yang buta sehingga mengirimkan pelbagai "hadih" buat kerajaan negeri. Anak khinzir, biawak dan itik yang disangka bom telah mengecahkan tingkat 3 Komtar baru-baru ini. Inikah transformasi minda selepas negara kita merdeka 54 tahun. Tidak kurang juga yang cuba menghadiahkan pakaian dalam wanita kepada pemimpin negeri. Beginilah sifat sesetengah pihak yang berkepentingan peribadi bertindak tanpa menggunakan akal kurniaan Tuhan.

Jika hendak protes biarlah berintelektual bukan seperti lembu menyondol kain merah. Main serbu tanpa motif yang munasabah. Jika hendak berjuang, biarlah membawa barakah bukan masalah. Akhir kalam, semoga kita semua terus dirahmati di bulan yang mulia ini. Selamat menunaikan ibadah puasa dan Selamat Hari Raya Aidilfitri! Merdeka!

Sukan Dwi Tahunan erat hubungan kakitangan seluruh Malaysia

GEORGE TOWN – ‘Menjadi penghubung dalam mengeratkan tali silaturrahim antara anggota-anggota perkhidmatan awam yang berada di Pejabat-pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Peringkat Persekutuan, Negeri atau Daerah di samping membantu melahirkan anggota yang sihat, cergas, berdisiplin, komited serta berdaya saing.’ Objektif tersebut merupakan intipati utama penganguran Kejohanan Sukan Dwi Tahunan Pejabat-pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Se-Malaysia Kali XI Tahun 2011 yang telah berlangsung di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, baru-baru ini.

tinjen dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak ke negeri ini yang juga dikenali sebagai ‘Tapak Warisan Dunia’.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganguran kejohanan sukan yang diadakan dua tahun sekali ini amat bermakna kepada pegawai-pegawai awam untuk menjalinkan silaturrahim di kalangan mereka.

“Saya pasti kedatangan anda ke negeri Pulau Pinang yang dikenali sebagai bandaraya yang hijau bersih dan selamat ini tidak lengkap sekiranya anda tidak menikmati pelbagai aneka makanan yang beridentitikan masyarakat Pulau Pinang.

“Tidak lengkap kunjungan anda sekiranya tidak menikmati nasi kandar dan tidak sah kunjungan anda sekiranya tidak

merasai jeruk buah pala dan sebagainya,” kata Guan Eng yang sempat mempromosikan keunikan Pulau Pinang semasa merasmikan Majlis Kejohanan Sukan Dwi Tahunan Pejabat-pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri.

Guan Eng juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, selaku Pengurus bagi penganguran sukan dwi tahunan ini dan jawatankuasa yang terlibat kerana berjaya menjanjurkan kejohanan kali ini.

Sebanyak 13 kontinen dari seluruh Malaysia (kecuali Wilayah Persekutuan) telah berentap bagi merebut gelaran juara bagi acara sukan ping pong, tenpin boling, dart, karom dan badminton.



BERPRESTIJ... Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas sambil diperhatikan oleh Ketua Menteri dan wakil-wakil dari 'International Weightlifting Federation' memukul gong sebagai gimik pelancaran Kejohanan 'World Junior Weightlifting' yang julung kali diadakan di negeri Pulau Pinang.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi.

Bersempena itu, kejohanan yang telah berlangsung selama lapan hari bermula 29 Jun 2011 hingga 7 Julai 2011 di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) telah berjaya mengumpulkan para peserta dari 77 negara di serata dunia.

Selain berentap bagi merebut gelaran dunia, kejohanan tersebut merupakan platform terbaik dalam menyediakan atliti-atlit negara dalam kejohanan bertaraf antarabangsa.



KEADAAN bilik di rumah kelahiran P. Ramlee.



JENIS basikal yang digunakan oleh P. Ramlee.


Nostalgia P. Ramlee di Jalan P. Ramlee

Oleh: YAP LEE YING

Gambar: AHMAD FARHAN
MOHD. FAUZI

"GETARAN jiwa, melanda hatiku. Tersusun nada, irama dan lagu..." Kedengaran ke merduan lagu Getaran Jiwa apabila wartawan dan juru gambar Buletin Mutiara (BM) menghampiri perkara Rumah Kelahiran dan Galeri P. Ramlee yang terletak di Lot 2180, Jalan P. Ramlee, Pulau Pinang.

Bagi jurugambar BM, walaupun dilahirkan di Pulau Mutiara, namun, inilah kali pertama beliau bertandang ke sini. Tanpa menyatakan sebabnya, beliau hanya tersenyum sinis dan terus menuju ke sebuah rumah kayu di mana seniman agung, Allahyarham Tan Sri Dr. P. Ramlee (P. Ramlee) dilahirkan.



Menurut catatan sejarah, rumah tersebut telah dibina pada tahun 1926 oleh bapa P. Ramlee, MOHD. Yusof Pitchay

LATAR BELAKANG

BELIAU telah dilahirkan di Pulau Pinang pada pagi Hari Raya Aidilfitri 22 Mac 1929 kepada pasangan Teuku Nyak Puteh Teuku Karim (1902 - 1955) dan Che Mah Hussein (1904 - 1967). Bapanya yang berasal dari Lhokseumawe, Aceh, telah mendirikan rumah tangga dengan Che Mah Hussein pada tahun 1925 di Kubang Buaya, Butterworth. P. Ramlee juga mempunyai seorang adik-beradik tiri, Syeikh Ali, yang sama ibu denganannya.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa dan kemudian ke Sekolah Francis Light. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di Penang Free School sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Ketika pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu, beliau belajar di Sekolah Tentera Laut Jepun sebelum kembali ke Penang Free School apabila tamat perang.

WAKTU LAWATAN

Selasa: Ahad : 10 pagi – 5.30 petang
Jumaat : 10 pagi – 12 tengah hari ; 3 petang – 5.30 petang
Isnin : Tutup kecuali cuti umum dan cuti sekolah

Masuk adalah PERCUMA



GAMBAR - gambar yang dipamerkan di Galeri P. Ramlee.

PLAT penyimpanan filem lakonan pertama P. Ramlee.

mempamerkan pelbagai gambar, catatan sejarah ringkas, baju, bagasi, piring hitam dan lain-lain barang milik seniman agung negara tersebut.

Malah, BM turut berkesempatan menemuramah seorang penduduk tempatan yang kini merupakan pengawal keselamatan, Mohd. Yusof Pitchay, 65, di galeri terbabit.

Menurut Mohd. Yusof, walau pun umurnya masih terlalu muda untuk mengenali P. Ramlee secara dekat sebelum Allahyarham menerima tawaran berlakon dengan Shaw Brother Malay Film Production di Singapura, beliau amat memuja bakat seni P. Ramlee.

"Selepas menerima tawaran berlakon di Singapura, Ramlee telah menjadi terkenal. Ketika Ramlee menjadi Pengarah filem Penarik Beca, penduduk di sini telah mengambil kesempatan untuk menjemput beliau untuk

mengadakan persembahan khas di sini (tempat kelahiran).

"Lanjutan itu, sebanyak tiga pentas telah didirikan dan persembahan Ramlee adalah di atas pentas paling besar. Ketika itu umur pakcik adalah 10 tahun. Sepanjang persembahan, pakcik berada di depan bawah pentas. Seronok sungguh mendengar Ramlee menyanyi," katanya tanpa segan silu sambil turut menyanyi mengikut lirik lagu 'Getaran Jiwa' yang didendangkan.

Mohd. Yusof memberitahu, 'orang luar' lebih mengenali P. Ramlee berbanding rakyat tempatan. Pada hari minggu, basbas persiaran yang membawa pelancong dari Jerman, China dan lain-lain negara akan memenuhi kawasan parkir arkib.

"Pernah sekali, apabila tiba di sini, seorang warganegara Jepun terus menyanyikan lagu Getaran Jiwa," jelasnya.

KEADAAN rumah kelahiran P. Ramlee.



Permulaan Kerjaya Seni

Bermula dengan bermain Ukulele, P. Ramlee beralih kepada gitar dan biola di bawah bimbingan Encik Kamaruddin (pemimpin brass band di Penang Free School). Beliau menyertai Orkes Teruna Sekampung dan kemudian Sinaran Bintang Sore. Beliau pernah menjadi juara nyanyian anjuran Radio Pulau Pinang pada tahun 1947 dan terpilih sebagai Bintang Penyanyi Utama Malaya. Dalam pertandingan itu, beliau menggunakan huruf "P" (bagi Puteh) di awal namanya dan kekalla nama P. Ramlee itu hingga ke akhir hayatnya.

Filem pertama lakonan P. Ramlee adalah "Chinta" pada tahun 1948. Beliau memegang peranan sebagai penjahat dan nyanyian latar.

Kejayaannya terus berkembang dan telah berjaya berlakon di dalam 27 buah filem di antara tahun 1948 hingga 1955.

Filem terakhir lakonan beliau ialah "Laksamana Do Re Mi" pada tahun 1972 dan lagu dan lirik terakhirnya adalah "Ayer Mata Di Kuala Lumpur" pada tahun 1973 sebelum beliau menghembuskan nafas terakhirnya.



ABDUL Halim Hussain meneliti kertas-kertas kerja sebagai seorang Speaker di pejabatnya baru-baru ini.

GAMBAR : AHMAD FARHAN MOHD. FAUZI

TIADA siapa yang mengetahui bahawa di sebalik senyuman mesra Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Y.B. Dato' Hj. Abdul Halim Hussain, 50, sebenarnya tersirat seribu keazaman terutamanya dalam mempromosikan erti kata demokrasi di DUN negeri ini. Baginya, walaupun perjalanan ke arah tersebut masih jauh, beliau percaya tiada apa yang mustahil dalam merealisasikan visi berkenaan. Ikuti wawancara Buletin Mutiara (BM) bersama beliau baru-baru ini.

BM : Secara luaran, masyarakat umum melihat tugas seorang Speaker hanyalah mempengerusikan sidang DUN. Bolehkah Y.B. Dato' perjelaskan serba-sedikit tugas sebenar Speaker.

Dato' Abdul Halim : Mempengerusikan Sidang DUN lazimnya adalah tugas umum seorang Speaker. Selain mempengerusikan Sidang DUN yang berlangsung dua hingga tiga kali dalam tempoh setahun, saya juga mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Dewan, Mesyuarat Jawatankuasa Hak & Kebebasan dan Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Dewan dari semasa ke semasa. Tugas-tugas lain termasuk mempengerusikan Mesyuarat Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri dan tugas-tugas pentadbiran.

BM : Apakah cabaran Y.B. Dato' sebagai seorang Speaker terutamanya ketika mempengerusikan sidang DUN. Adakah Y.B. Dato' pernah dilabel sebagai berat sebelah.

Dato' Abdul Halim : Tidak pernah terlintas di dalam sanubari saya dilantik sebagai Speaker Dewan, bagaimanapun saya menerima amanah, tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan oleh DUN kepada saya. Selepas perlantikan, saya membuat banyak rujukan melalui buku, melayari laman sesawang dan merujuk kepada rakan-rakan Speaker DUN dalam dan luar negara untuk mengetahui dengan lebih lanjut berhubung praktis dan peranan sebenar DUN serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Cabarannya saya adalah bagi memastikan sidang DUN berjalan dengan lancar dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mematuhi Peraturan Dewan semasa perbahasan. Saya pernah dilabel sebagai berat sebelah bukan sahaja oleh Adun Pembangkang tetapi juga oleh Adun Kerajaan, yang penting sebagai seorang Speaker saya perlu berlaku adil. Contohnya di dalam satu Sidang DUN, saya telah mengambil tindakan ke atas ADUN pembangkang dan juga ADUN Kerajaan dengan meminta kedua-dua pihak terbabit keluar dari dewan kerana gagal mematuhi Peraturan Dewan. Situasi ini tidak pernah berlaku di negeri lain.

BM : Apakah perubahan yang Y.B. Dato' ingin

Mempromosikan demokrasi, mereformasikan DUN & Parlimen – Azam Speaker Dewan Undangan Negeri, Y.B. Dato' Hj. Abdul Halim Hussain



ABDUL Halim Hussain ketika menjelaskan bidang tugas Speaker kepada BM.

lihat di DUN negeri Pulau Pinang.

Dato' Abdul Halim : Perlu ditekan bahawa DUN merupakan Institusi bagi memastikan sistem demokrasi dilaksanakan secara telus dan akauntabel. DUN menjadi simbol demokrasi sesebuah negeri sebagaimana Parlimen untuk sesebuah negara.

Saya ingin melihat cadangan “*Benchmarks for Democratic Legislatures*” yang dicadangkan oleh CPA (*Commonwealth Parliamentary Association* 2008) dapat dilaksanakan di peringkat DUN dan juga Parlimen. Penanda aras ini mencadangkan reformasi DUN / Parlimen yang menepati praktis demokrasi semasa yang telah dilaksanakan di banyak Negara-negara Komonwelth dan negara-negara maju.

Di DUN Pulau Pinang beberapa inisiatif baru telah dilaksanakan antaranya ialah penubuhan Unit Pendidikan di bawah DUN yang bertujuan memberi pendidikan dan pendedahan berhubung fungsi DUN dan peranan ADUN kepada pelawat-pelawat yang mengunjungi Dewan Undangan Negeri. Melalui Unit Pendidikan ini, persatuan-persatuan pelajar sekolah, universiti dan pemimpin komuniti hanya perlu memohonan bagi mengadakan lawatan ke DUN.

Program ini penting kerana dari kajian yang dijalankan bahawa rakyat masih kabur tentang peranan DUN dan ADUN. Peranan ini sangat penting kerana apa juu keputusan yang diputuskan di DUN akan memberi kesan kepada kehidupan harian rakyat. Ramai yang tidak mengetahui bahawa DUN adalah tempat undang-undang negeri digubal. DUN juga adalah tempat dimana ADUN membahas isu-isu rakyat, ADUN juga memeriksa dan memantau dasar dan keputusan Kerajaan Negeri melalui soalan-soalan di dalam DUN.

Kerajaan Negeri turut menganjurkan seminar dan lawatan ke luar negara membabitkan ADUN.

Penganjuran tersebut lazimnya bertujuan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada ADUN mengenai bidang kuasa dan ‘kuasa’ mereka sebagai ADUN di dalam DUN.

BM : Bolehkah Y.B. Dato' berkongsi serba-sedikit latar belakang Y.B. Dato'.

Dato' Abdul Halim : Saya dilahirkan di Kongsi, Balik Pulau pada tahun 1960. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah St. George Balik Pulau, pendidikan menengah di Sekolah Menengah Syed Syeikh Sahabudin di Bukit Mertajam dan Sekolah Menengah Penang Free Georgetown. Berkelulusan BBA (Ferris State Michigan, Amerika Syarikat), MBA (Universiti Sains Malaysia) dan CFP. Kerjaya awal saya sebagai seorang pendidik di Sekolah Menengah St. George Balik Pulau sebagai guru mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Geografi. Saya juga pernah bertugas sebagai pensyarah di Maktab Sains Mara, Kuantan. Saya kemudiannya meninggalkan dunia pendidikan pada tahun 1989 untuk berkhidmat sebagai Pegawai Latihan di sebuah bank tempatan. Jawatan akhir saya setelah 12 tahun berkhidmat di bank tersebut adalah sebagai Pengurus Unit Perniagaan Komersial dan Perbankan Korporat sebelum berkecimpung di bidang perniagaan. Bermula Oktober 2001, saya melibatkan diri di dalam bidang latihan pengurusan dan perundingan kewangan.

Saya mendirikan rumah tangga pada akhir tahun 1990 dan kini saya dikurniakan lima cahaya mata.

BM : Apakah hobi Y.B. Dato'.

Dato' Abdul Halim : Hobi saya adalah membaca, berbasikal dan mengembara ke luar negara. Di bidang sukan saya meminati sukan bola sepak, tenis dan olahraga.

Pemasangan CCTV turun kadar jenayah

SEBERANG PERAI – Dengan kadar penurunan jenayah paling tinggi di Malaysia, Pulau Pinang kini menjadi salah satu destinasi pilihan bagi pelancong dari dalam maupun luar Negara. Antara penyumbang kepada pencapaian ini ialah sistem pemantauan CCTV yang dipasang di sekitar Pulau Pinang dan daerah Seberang Perai.

Baru-baru ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menerima 24 buah kamera CCTV yang dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di lokasi-lokasi strategik dan yang kerap berlaku jenayah di mana telah dikenalpasti bersama pihak polis yang merangkumi

kawasan Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Terdapat empat pusat kawalan dan pemantauan diadakan iaitu di Tingkat 3, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda (Jabatan Kejuruteraan), Ibu Pejabat Polis Daerah SPT, Ibu Pejabat Polis Daerah SPU dan Ibu Pejabat Polis Daerah SPS.

Kontrak pemasangan telah dijalankan oleh GTC Global Sdn. Bhd., di mana kos pemasangan 24 buah kamera CCTV untuk bahagian seluruh Seberang Perai adalah RM2,872,800.00 dan bayaran sewa adalah RM47,880.00 sebulan selama lima tahun.



KETUA MENTERI (berbaju kuning) bersama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kanan sekali) dan Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) sedang meninjau pusat pemantauan CCTV yang terletak di Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda.

Hari Majlis MPSP ke-37 erat hubungan warga Seberang Perai



LIM Guan Eng menyampaikan cenderamata kepada Maimunah Mohd. Sharif semasa Majlis Sambutan Perayaan Hari Majlis MPSP kali ke-37 baru-baru ini.

SEBERANG PERAI – Perayaan Hari Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diadakan setiap tahun bukan sahaja diraikan dalam kalangan warga MPSP, malah turut diraikan bersama warga Seberang Perai dan warga Pulau Pinang. Acara perayaan kali ke-37 ini disambut bertujuan mengeratkan hubungan antara warga MPSP dan masyarakat.

Bulan Julai merupakan Bulan Kualiti MPSP. Pelbagai program telah diadakan termasuk melafazkan ikrar untuk meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan, Program ‘Cleaner Greener’ Bukit Minyak, Program Buku Anugerah Pelajar Hijau Cemerlang yang diadakan di Sekolah Menengah Dato’ Onn, Butterworth dan Program Forum Perdana Ehwal Islam yang bertajuk ‘Kebersihan Adalah Sebahagian Daripada Iman’.

Bersempena dengan Sambutan Perayaan Hari Majlis MPSP baru-baru ini, terdapat empat pelancaran serentak yang dijalankan iaitu Pelancaran

‘Balance Score Card’, Program Tanah Bersih, CCTV dan Tempahan Gotong-Royong Online.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Maimunah Mohd. Sharif, Yang DiPertua MPSP kerana berjaya menganjurkan program sebegini dengan melancarkan beberapa inisiatif oleh MPSP untuk mewujudkan perkhidmatan demi ‘stakeholders’ dan orang ramai,’ kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap di Majlis Sambutan Perayaan Hari Majlis MPSP kali ke-37, baru-baru ini.

Ketua Menteri juga berbangga dengan pencapaian MPSP yang berjaya mendapat lebihan pendapatan pada penutupan akaun 2009 iaitu sebanyak RM14.57 juta. Prestasi kewangan ini juga diperkuahkan lagi dengan pencapaian lebihan pendapatan sebanyak RM23.04 juta pada penutupan akaun 2010. MPSP kini telah menjadi lebih baik dari segi kedudukan kewangan berbanding keadaan empat tahun lalu.

MPSP edar topeng jerebu di sekolah

SEBERANG PERAI – Prihatin dengan nasib rakyat, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah membuat persiapan awal agar kesihatan warga Pulau Pinang tidak dijejaskan dengan kualiti udara yang tidak sihat. Inisiatif diambil dengan mengedarkan 10 juta keping topeng penutup mulut dan hidung di beberapa kawasan Seberang Perai.

Lanjutan daripada usaha tersebut, beberapa orang wakil daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengedarkan topeng tersebut di tiga buah sekolah di daerah Seberang Perai iaitu SJK (C) Li Hwa (2,000 keping), SJK Chung Ling, Butterworth (2,600 keping) dan SMK Bagan Jaya (2,300 keping).

Menurut jurucakap MPSP, murid-murid sekolah diberi perhatian khusus oleh kerana antibodi badan yang tidak begitu kuat berdasarkan faktor usia mereka. Namun, bagi kawasan-kawasan yang ingin mendapatkan topeng tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada pihak MPSP. Rakyat juga boleh melayari laman www.doe.gov.my bagi mendapatkan informasi terkini keadaan jerebu yang melanda negara.



SEBAHAGIAN murid SJK (C) Li Hwa memakai topeng penutup mulut dan hidung yang diedarkan pihak MPSP.

Penaga catat peratusan tertinggi pendaftaran warga emas

PENAGA – Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga mencatatkan rekod peratusan tertinggi iaitu sebanyak 75 peratus pendaftaran Program Penghargaan Warga Emas sehingga April 2011.

Perangkaan tersebut disusuli oleh DUN Paya Terubong sebanyak 74 peratus dan Teluk Bahang (72 peratus).

Pegawai Penyelaras DUN Penaga, Rosidi Hussain berkata, kejayaan tersebut adalah hasil daya usaha

semua pihak terutamanya Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Penaga dan pemimpin masyarakat setempat dalam tempoh setahun lalu.

“Sehingga kini, sebanyak 75 peratus warga emas telah berjaya didaftarkan dan hanya kira-kira 600 hingga 700 warga emas sahaja yang belum berdaftar dengan kita.

“Dalam pada itu, kita sedang usahakan pendaftaran baru sebagai penghargaan kepada golongan ini daripada

Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Rosidi menambah, perangkaan tersebut turut menyangkal dan ‘menutup’ mulut pemimpin pembangkang di negeri ini yang membuat publisiti murahan dengan mengatakan bahawa wang yang disumbangkan adalah daripada sumber haram di sini tahun lalu.

‘Cleaner Greener’ di Titi Teras

BALIK PULAU –

Pengisian berkonsepkan pendidikan terhadap pemuliharaan alam sekitar telah dijalankan dengan jayanya hasil penglibatan kira-kira 1,000 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat di Titi Teras di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, selain taklimat mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar yang menfokuskan kepada amalan kitar semula, turut diadakan adalah aktiviti menanam pokok teduhan, pengedaran beg plastik kitar semula, pertandingan gubahan barang buangan dan pertandingan ‘Rumah Ku Bersih & Harmoni’.

Turut hadir bagi menjayakan program yang



CHOW Kon Yeow (empat dari kiri) menanam pokok teduhan bersempena Program Pulau Pinang Bersih dan Hijau di sini baru-baru ini.

dijalankan di Dataran Masjid An-Nur Titi Teras adalah Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Bonggol elak kemalangan

PENAGA – Demi keselamatan masyarakat setempat, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga mengambil inisiatif khas untuk membina bonggol di persimpangan Permatang Bendahari di sini.

Seorang penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Ramlah, 40-an, berkata, beliau amat bersyukur atas tindakan pantas PPK yang sudi turun padang untuk mendengar aduan rakyat dan akhirnya menunaikan janji beliau berhubung pembinaan bonggol berkenaan.

Kos pembinaan bonggol tersebut adalah bernilai RM60,000.

Sementara itu, bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri ke arah menjadikan Pulau Pinang Bersih dan Hijau, PPK turut menganjurkan Program Gotong-royong Perdana Kariah Masjid Kuala Muda dan Program Anak Angkat (mahasiswa/mahasiswi Pulau Pinang) di sini baru-baru ini.

Menurut PPK Penaga, Rosidi Hussain, program hasil usahasama Pejabat Timbalan Ketua Menteri I, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Bakau Tua, kepimpinan masyarakat dan ahli jawatankuasa masjid Kuala Muda telah berjaya mengumpulkan seramai 450 peserta secara keseluruhan.



ROSIDI Hussain (depan, kanan sekali) bersama salah seorang peserta program mengangkat sampah bersempena penganjuran Program Gotong-royong Perdana Kariah Masjid Kuala Muda dan Program Anak Angkat (mahasiswa/mahasiswi Pulau Pinang) baru-baru ini.

Praktik amalan bantu rakyat



ANTARA penerima-penerima bantuan daripada ADUN Seri Delima baru-baru ini.

SERI DELIMA – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berjiwa Rakyat, R.Sanisvara Nethaji Rayer mempraktikkan amalan membantu golongan yang memerlukan sebagai salah satu teras utama dalam melaksanakan tanggugjawabnya sebagai seorang wakil rakyat.

Dalam pada itu, Sanisvara Nethaji Rayer dengan murah hatinya telah menyerahkan bantuan wang tunai kepada golongan pelajar yang memerlukan sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Tidak ketinggalan adalah beberapa pesakit kronik dan ibu tunggal yang memerlukan bantuan kewangan di sekitar Dewan Undangan Negeri Seri Delima.

